



UKK/600-01/05 (63)

## SIARAN MEDIA

### MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA

**27 APRIL 2024** – Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), agensi di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) hari ini menandatangani penyambungan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSU). Majlis diadakan di Pentas Utama, perkarangan Tapak Food Truck FBK, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSU serentak dengan pelaksanaan Program Lestari Art 1.0 2024 anjuran Fakulti Seni Kelestarian dan Industri Kreatif, UPSU.

Memorandum ini ditandatangani oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff, Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Ia disaksikan oleh Encik Helmi Zaifura bin Abdul Rahman, Pendaftar, Universiti Pendidikan Sultan Idris serta Encik Alizam Hasan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Turut hadir sama adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Dekan.

UPSU sentiasa komited dalam sebarang bentuk usahasama dengan agensi luar bagi memperkasakan kepelbagaian bidang kebudayaan selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi. Melalui pemeteraian memorandum ini, kerjasama antara LPSVN dan UPSU dapat diteruskan dalam membangunkan industri seni visual negara. MoU ini juga dilihat mampu menjadi platform bagi percambahan idea melalui kolaborasi antara kedua-dua pihak. Selain itu, kerjasama yang terjalin secara tidak langsung dapat membuka ruang untuk meneroka pelbagai informasi baharu mengenai seni menerusi penganjuran pelbagai program seni, simposium, konferensi, kursus pendek serta perbincangan penyelidikan berkaitan seni.

Justeru itu, Balai Seni Negara berharap agar pemeteraian MoU ini mampu memberi impak yang tinggi terhadap kedua-dua pihak. Balai Seni Negara selaku peneraju seni visual tempatan sentiasa cakna dan proaktif dalam meningkatkan usaha untuk merangka inisiatif yang lebih besar bagi meningkatkan perkembangan ekosistem seni visual tanah air.

Untuk maklumat lanjut mengenai program dan aktiviti anjuran Balai Seni Negara, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat  
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Zuriyadi Sarpin**

T: +60 11 1005 5207

E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**

T: +60 19 998 5884

E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)